

PENINGKATAN KUALITI PENGAJARAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI ACEH

Profesor Dr Saedah Siraj^a dan Nurhayati Ishak^b

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

^aEmail: saedah@um.edu.my,

^byati69@perdana.um.edu.my

Abstrak

Pengajaran di peringkat pengajian tinggi merupakan salah satu agenda utama bagi menentukan pembangunan Aceh selepas Tsunami dilaksanakan secara menyeluruh. Kertaskerja ini akan melaporkan satu kajian tentang kualiti pengajaran dari persepsi pelajar di sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang telah dijalankan di Aceh. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kualiti pengajaran yang diperlukan oleh pensyarah dalam pengajaran. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti (i) ciri-ciri utama yang diperlukan dan tahap yang sedia ada dalam amalan pengajaran, (ii) keutamaan ciri-ciri amalan pengajaran, dan (iii) hubungkait antara bidang pengkhususan dengan tahap amalan pengajaran. Responden kajian terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti pengajian diperingkat Sarjana Muda di Universiti Syiah Kuala di Banda Aceh Indonesia. Sampel kajian seramai 120 orang pelajar pada tiga jabatan iaitu : Bahasa Indonesia, Biologi, dan Kimia. Kajian menggunakan kaedah tinjauan (Survey), dengan menggunakan instrumen berupa soal selidik. Statistik Deskriptif (frekuensi, peratus, min) dan korelasi pearson telah digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa: (i) 84.2 peratus responden memilih tahap amalan kualiti menguasai isi kandungan bidang yang diajar dalam perancangan pengajaran sebagai sangat perlu, (ii) 74.2 peratus responden memilih tahap amalan kualiti mempunyai kemahiran dalam penyampaian pengajaran bagi pelaksanaan pengajaran sebagai sangat perlu; (iii) 63.3 peratus responden yang memilih tahap amalan kualiti mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian pengajaran bagi penilaian pengajaran sebagai sangat perlu; (iv) manakala 61.7 peratus responden yang memilih tahap amalan pengajaran mempunyai kemahiran mendengar bagi hubungan interpersonal sebagai sangat perlu. Sedangkan pada tahap yang sedia ada daripada beberapa aspek iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, penilaian pengajaran, dan hubungan interpersonal, hasil kajian menunjukkan majoriti ke empat-empat aspek tersebut adalah berada pada tahap yang rendah. Tidak ada hubungan yang signifikan diantara bidang pengkhususan pelajar dengan tahap amalan kualiti pengajaran. Majoriti responden memilih pelaksanaan pengajaran sebagai aspek yang paling utama dalam tahap amalan kualiti pengajaran. Berdasarkan kajian ini, penulis mencadangkan agar institusi pengurusan pendidikan dan unit perkembangan staf memberi penekanan terhadap latihan mengikut keperluan pensyarah dan keperluan pendidikan masa kini dan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pensyarah supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lebih berkesan. Saranan-saranan lain juga akan dibincangkan dalam kertaskerja ini bagi tujuan mempertingkatkan kualiti pengajaran di peringkat institusi pengajian tinggi di Aceh.

1. Pengenalan

Pendidikan yang berkualiti merupakan wadah bagi membangun generasi alaf baru. Hal ini bahkan telah menjadi matlamat rakyat sebagaimana disebutkan dalam ketetapan MPR-RI (Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia) Nomor 1V/MPR/1999 tentang GBHN (Garis-garis Besar Haluan Negara) yang menyebutkan bahawa salah satu visi pembangunan bangsa adalah terwujudnya masyarakat Indonesia yang menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi. Untuk mewujudkan visi tersebut GBHN 1999 telah menyatakan bahawa salah satu arah kebijakan dalam pembangunan pendidikan adalah melakukan pembaharuan dan pematapan sistem Pendidikan Nasional.

Umaedi (1999) menegaskan bahawa pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara. Pendidikan berkualiti tersebut boleh didefinisikan sebagai sistem pendidikan yang dapat memuaskan keperluan dan harapan pengguna dan melalui proses penambahbaikan secara berterusan. Oleh itu, pendekatan kualiti yang digunakan dalam pendidikan adalah suatu pendekatan untuk mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang efisien serta efektif bagi mencapai piawaian yang ditetapkan. Oleh itu, kualiti menjadi agenda terpenting bagi sesebuah organisasi pendidikan dan aktiviti penambahbaikan kualiti pula merupakan satu tugas mencabar yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Peranan dan tanggungjawab pensyarah adalah penting kerana secara tidak langsung mempengaruhi kualiti guru yang akan dilahirkan. Rentetan daripada fenomena tersebut, pensyarah sebagai pendidik guru perlu berkeupayaan dalam usaha menghasilkan guru yang berkemampuan dan berkualiti tinggi.

1.1 Penyataan Masalah

Pendidikan tinggi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang strategis dalam pembangunan suatu bangsa, termasuk memecahkan persoalan-persoalan pendidikan. Dalam kerangka itulah peranan Lembaga Pendidikan Tinggi yang tercermin dalam fungsi Tri Darma Perguruan Tinggi iaitu pendidikan, penyelidikan dan pengabdian kepada masyarakat dapat membantu mengembangkan konsep dan strategi pendidikan dasar yang dilakukan dengan pola kerja sama antar pembuat kebijakan pendidikan dan dunia industri (Nanat Fatah Natsir, 2004).

Salah satu masalah dalam bidang pendidikan di negara kita adalah rendahnya kualiti pendidikan di berbagai jenis dan jenjang pendidikan (Wayan Koster, 2000). Didalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji lebih lanjut mengenai kemungkinan-kemungkinan tersebut untuk mendapat dapatan yang lebih konkrit lagi. Walaubagaimanapun, kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang mengaitkan faktor guru dengan pencapaian pelajar kerap kali dipersoalkan. Malahan terdapat banyak juga kajian yang menafikan hubungan positif antara faktor guru dengan pencapaian pelajar (Saunders, 1978). Guru yang berkesan adalah guru yang dapat menghasilkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan (Toh, 2003). Guru-guru tidak lagi mempunyai ruang untuk mengembangkan potensi mengikut kaedah yang terbaik bagi mereka. Mereka terpaksa melaksanakan objektif yang dipaksakan keatas mereka (Apple, 1983) iaitu menghasilkan kecemerlangan dalam peperiksaan sedangkan guru yang baik sepatutnya dibenarkan memilih strategi yang sesuai bagi mereka, suara rasa dalaman mengenai apa yang patut diajar dan bagaimana ianya patut diajar (Medvedeff, 2000). Apakah sebenarnya kaedah pengajaran yang berkesan yang patut dijadikan model oleh guru-guru dalam pengajaran mereka dalam bilik darjah, masih lagi menjadi suatu persoalan walaupun penyelidikan mengenai pengajaran yang berkesan telah melalui suatu tempoh yang lama. Dalam kajian lain yang dibuat oleh Azril Azahari (2000), beliau menyatakan bahawa peningkatan angka partisipasi pendidikan untuk peringkat pendidikan tinggi masih lebih rendah bila dibandingkan dengan negara Philipina, Thailand, Singapura, Malaysia, atau Korea. Mudah-mudahan dalam kajian ini dapat mengenalpasti trend-trend pengajaran yang lalu untuk dibuat satu cadangan untuk kaedah pengajaran contoh pada masa akan datang.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri utama yang perlu ada pada pensyarah dan yang menjadi amalan kualiti pengajaran menurut persepsi pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti keutamaan ciri-ciri amalan kualiti pengajaran menurut persepsi pelajar.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan diatas, kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

1. Apakah ciri-ciri kualiti pengajaran yang perlu dan yang diamalkan oleh pensyarah menurut persepsi pelajar?
2. Apakah ciri-ciri utama dalam kualiti pengajaran menurut persepsi pelajar?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini perlu dijalankan untuk memberi kesedaran kepada pihak pentadbir program pendidikan latihan keguruan, umumnya dan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti latihan keguruan dan pendidikan sebagai bakal guru khususnya, agar dapat mengenalpasti ciri-ciri berkualiti dalam pengajaran. Kajian ini juga berguna kepada pihak institusi pendidikan untuk mengetahui aspek-aspek atau ciri-ciri utama dalam kualiti pengajaran seperti yang diharapkan oleh pelajar. Adalah diharapkan kajian ini boleh menjadi garis panduan dalam merangka semula program latihan keguruan yang berkualiti seterusnya dapat melahirkan guru-guru yang berkualiti. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran terperinci mengenai aspek-aspek utama yang menjadi ciri-ciri kualiti dalam pengajaran. Menerusi dapatan kajian ini nanti dapat memberi panduan dalam usaha mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pengajaran guru.

2. Sorotan Kajian Lepas

Untuk menghasilkan kualiti pendidikan, berbagai strategi telah dijalankan. Salah satu daripada strategi yang perlu dilaksanakan adalah pengajaran guru itu sendiri perlulah berkualiti. Menurut Kamaruddin Kachar (1989), kualiti pengajaran bergantung kepada kualiti guru. Seseorang pemimpin professional hendaklah menitikberatkan mutu pendidikan dan kualiti profesionalismenya. Menurut Kamarudin Kachar (1989) lagi untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang berkualiti, pihak institusi pendidikan serta stafnya perlu memainkan peranan masing-masing bagi mencapai matlamat seperti yang dikehendaki. Beberapa kajian telah dijalankan oleh tokoh-tokoh pendidikan dan pengurusan seperti Drucker (1969), Halpin (1966), Edmonds (1979) dan Mortimore (1991) telah menunjukkan bahawa kepemimpinan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesebuah organisasi. Mereka menyimpulkan bahawa pemimpin yang berkualiti merupakan komponen utama sekolah berkesan. Konsep pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak semata-mata bergantung kepada cara pengajaran guru sahaja tetapi lebih daripada itu. Pengajaran yang berkesan perlu mengambil kira pengajaran guru seperti: guru harus mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar, mendalami isi kandungan yang hendak diajar, berpengetahuan tentang kebolehan pelajar menerima pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan yang terakhir memberi penilaian.

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah di ingat dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah (Land, 1987), penerangan yang jelas dan memberikan contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994), penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu yang sedia ada (King & Menker, 1992); dan menggunakan alat bantu mengajar bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (Hilbert, Wearne & Taber, 1991; Kozma, 1995).

Selain ini, objektif pelajaran hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi serta guru perlu mengadakan penilaian.

2.2 Peranan Pensyarah Dalam Pengajaran

Pensyarah sebagai pemimpin barisan hadapan hari esok, penghayatan pensyarah terhadap perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, penilaian pengajaran dan hubungan interpersonal diantara pensyarah dan pelajar serta menerusi proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberikan kesan terhadap kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Lima aspek mengenai peranan guru iaitu memahami objektif, cara pelaksanaan, membuat persediaan awal, membimbing dan menilai kerja kursus pelajar (Ornstein, 1995). Guru atau pendidik memainkan peranan penting sebagai pendorong, pembimbing, penggerak, pembentuk sahsiah, pemudahcara, ibu bapa dan penilai kepada pelajar. Guru bukan semata-mata menjadi penyampai atau pengajar sesuatu pengetahuan (Angelo, 2002; Hamidah Abdul Wahab, 1993). Svinicki (1990) berpendapat para pendidik harus menghentikan sikap memandang pengajaran itu hanya sebagai cara untuk menyelesaikan sukatan pelajaran dan sebagai tugas untuk membantu pelajar belajar. Pendapat ini sekaligus membawa kita kepada perlunya penghayatan guru kepada peranannya sebagai pengajar. Wan Zahid (1991) menjelaskan pihak yang amat penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pendidikan ialah di peringkat pelaksanaan iaitu guru. Kajian yang telah dibuat oleh Jamiah (2002) ke atas tenaga pengajar pada bidang pendidikan didapati amat relevan memandangkan tenaga pengajar merupakan orang yang pertama yang memberikan pendedahan kepada bakal guru untuk persediaan kerjaya mereka di sekolah. Guru adalah faktor yang paling penting yang merupakan *technicians* yang bertanggungjawab terhadap keberhasilan dalam pencapaian pelajar melalui pengajaran dan bimbingannya. Dengan itu, profesionalisme guru dan perkembangan profesionalisme guru adalah faktor terpenting bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran atau menambahbaikkan sesebuah institusi.

2.3 Perancangan Pengajaran

Kejayaan pelaksanaan pembelajaran amat bergantung kepada kecekapan dan ketrampilan guru dalam merancang dan menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian guru dari segi perancangan persediaan, strategi, kaedah penyampaian serta penilaian adalah diperingkat sederhana. Clarke dan Cutler (1990) menyatakan keberkesanan pengajaran bergantung kepada perancangan, pelaksanaan, penilaian terhadap proses dan objektif pembelajaran. Oleh itu, mengenalpasti objektif pengajaran merupakan salah satu ciri kualiti pengajaran yang diperlukan dalam perancangan. Cohn et al, (1987) selanjutnya menyokong pendapat ini dengan menyatakan guru harus membuat refleksi sendiri untuk menilai objektif pengajarannya setelah selesai melaksanakan pengajaran. Mereka seterusnya menghuraikan bagaimana seorang guru merancang pengajarannya

Guru harus memberi peluang yang mencukupi untuk murid menguasai sesuatu hasil pembelajaran. Guru juga berperanan sebagai pemimpin, pembimbing, pengajar dan fasilitator pembelajaran. Peranan ini boleh disesuaikan mengikut strategi yang digunakan oleh guru, merancang dan mengenalpasti hasil pembelajaran disetiap unit pembelajaran yang dikuasai, menyusun unit pengajaran mengikut urutan yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran. Guru memilih dan mengubahsuai dan merancang pelbagai strategi, kaedah, aktiviti dan bahan untuk pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pengayaan dan pemulihan bagi pelajar menguasai hasil pembelajaran. Dengan demikian pensyarah yang efektif dalam perancangan pengajaran perlu mempunyai kemahiran dalam membuat modul, kemahiran dalam menggunakan bahan atau alat teknologi, berkemahiran dalam menyelami kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, peka tentang pengintegrasian berbagai teknik dan kaedah, menguasai isi kandungan bidang dan menyusunnya dengan sistematik, kemahiran dalam mengenalpasti objektif pengajaran dan peka dengan latarbelakang pelajar. Seorang guru juga harus mempunyai kemahiran dalam memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai kerana itu juga merupakan suatu rancangan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan juga mahir dalam penggunaan kaedah dan teknik mengajar untuk

menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang berkesan, kerana pemilihan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai akan menjamin keberkesanan pengajaran serta pencapaian objektifnya secara optimum.

2.4 Pelaksanaan Pengajaran

Kepentingan pelaksanaan pengajaran ini disokong oleh Clarke dan Cutler (1990) dengan memperlihatkan satu situasi iaitu dalam pengajaran mata pelajaran komputer, pelajar akan berasa dalam keadaan resah jika guru tidak memberi perhatian dan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Maka dalam pelaksanaan pengajaran, salah satu kemahiran yang perlu ada pada seorang guru adalah kemahiran menyampaikan pengajarannya. Clarke dan Cutler (1990) seterusnya menyokong pendapat itu dengan mengatakan tujuan utama perlu diberikan kepada proses penyampaian walaupun objektif dan isi kandungan dianggap penting oleh guru. Mok Soon Sang (2002), mengatakan peranan guru dalam pelaksanaan dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran meliputi tugas-tugas seperti menganalisis objektif dan isi kandungannya, menentukan keperluan pelaksanaan seperti melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar dan penyediaan bahan-bahan pelajaran, merancang dan melaksanakan pengajaran, membuat penilaian untuk mengenalpasti kelemahan dengan tujuan meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan pengajaran dengan membuat pengubahsuaian dalam rancangan mengajar. Beliau juga berpendapat bahawa guru juga harus mempunyai pengetahuan tentang mata pelajaran pengkhususannya serta mempunyai kemahiran mengajar termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran menilai dan mempunyai ciri-ciri keguruan yang positif dan kreatif untuk melaksanakan dan menjayakan pengajaran yang berkesan dan mempunyai kualiti yang tinggi serta memuaskan.

2.5 Penilaian Pengajaran

Yap, Wan dan Ismail (1985) menakrifkan 'penilaian' dalam pendidikan dan pembelajaran sebagai satu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Hasan Langgulung (1995) mengatakan penilaian dalam pengertian bahasa bermakna memberi nilai terhadap sesuatu, atau menilainya berdasarkan prinsip tertentu dan memberi keputusan. Penilaian merupakan salah satu aspek penting proses pengajaran, melalui penilaian barulah boleh dibuat kawalan, langkah peningkatan dan langkah selanjutnya. Dalam bidang pendidikan, penilaian bermaksud suatu proses untuk mengetahui sejauhmana pengalaman pembelajaran yang telah dibentuk dan disusun dapat menghasilkan jangkaan yang diharapkan. Proses ini akan menentukan kekuatan dan kelemahan-kelemahan rancangan yang telah diusahakan. Pengalaman pembelajaran yang dimaksud adalah suatu set hubungan yang di rancang dan dikawal antara pelajar, guru, bahan, alat dan persekitaran bagi mencapai objektif yang telah ditentukan. Dalam proses penilaian perlu mempunyai garis panduan supaya ia mencapai tujuan penilaian itu. Ingham (dalam Saedah Siraj, 2000), menyarankan supaya pendidik membuat penilaian dan menghargai perbezaan setiap individu kerana setiap perbezaan itulah yang akan menentukan cara setiap individu itu belajar dan juga boleh memberi pengalaman pembelajaran kepada masing-masing.

2.6 Hubungan Interpersonal

Pada umumnya, proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Dalam interaksi dua hala ini guru sentiasa berusaha untuk berkomunikasi dengan pelajar supaya ide guru dapat memberangsangkan pelajar. Mengikut kajian pakar-pakar, komunikasi yang berkualiti tinggi adalah komunikasi yang dijalankan berdasarkan semangat kerjasama. Kedua-dua belah pihak sama-sama ingin saling faham memahami apa yang diucapkan oleh satu sama lain. Abdullah Hassan Adam, (2000) menyatakan komunikasi yang berkesan mempunyai lima ciri iaitu kefahaman, keseronokkan, pengaruh ke atas sikap, perhubungan yang bertambah baik, dan adanya tindakan yang menyusuli. Kemahiran ini mempengaruhi kejayaan seseorang dalam kerjayanya, dalam kehidupan pribadinya, kebahagiaannya dan ia juga mempengaruhi kesihatan mental dan fizikalnya. Darus (1982) berpendapat bahawa hubungan rapat antara guru dan murid memainkan peranan penting

dalam memilih strategi pengajaran untuk menarik minat pelajar. Penekanan adalah diberikan kepada interaksi antara guru dengan pelajar.

Arends (1994), guru yang berkesan berupaya mewujudkan hubungan dengan pelajar disamping memupuk suasana penyayang bagi perkembangan pelajar. Perhubungan guru dan pelajar sebagai pendidik guru perlu mempunyai hubungan mesra dengan para pelajar dan sentiasa bermuka manis. Mereka perlu memahami dan mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar. Hubungan yang mesra dapat membantu pelajar mengatasi halangan psikologi dan boleh menjadi motivasi untuk memajukan diri mereka sepenuhnya.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini telah melibatkan seramai 120 orang pelajar yang telah dipilih pada sebuah Institusi Pengajian Tinggi iaitu Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia. Terdiri dari Sarjana Muda Jurusan/Jabatan Bahasa Indonesia seramai 40 orang, Sarjana Muda Jurusan/Jabatan Biologi seramai 40 orang, dan Sarjana Muda Jurusan/Jabatan Kimia seramai 40 orang.

Satu set Instrumen kajian telah di bina yang mengandungi 24 item dan dibahagikan kepada empat sub-skala. Analisis yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min, korelasi pearson 'r'. Analisis frekuensi dan peratusan digunakan untuk melihat pandangan responden terhadap tahap amalan kualiti pengajaran yang keperluan dengan tahap yang ada. Analisis **min** digunakan untuk melihat ciri-ciri kualiti pengajaran yang diutamakan oleh responden.

4. Dapatan Kajian

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 120 orang pelajar pada institusi yang dikaji, seramai 37.5 peratus (45) pelajar lelaki manakala daripada 62.5 peratus (75) orang lagi ialah pelajar perempuan.

4.1 Perancangan Pengajaran yang Diperlukan vs yang Diamalkan

Dapatan kajian dalam Jadual 1 menunjukkan kesemua item penyelidikan tentang perancangan pengajaran yang diperlukan dianggap perlu oleh responden. Majoriti responden, yakni 84.2 peratus berpendapat bahawa “menguasai isi kandungan bidang yang diajar” sebagai sangat perlu yang tertinggi berbanding dengan item-item yang lain. Bagi item “mengenalpasti dan merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media” telah mencapai konsensus yang paling rendah. Bagaimanapun kesemua item-item dalam perancangan pengajaran berada di tahap keperluan yang tinggi. Ini menunjukkan pelajar berpendapat kesemua item dalam perancangan amat diperlukan.

Jadual 1 : Frekuensi Perancangan Pengajaran Yang Diperlukan

Item	Tidak Perlu		Kurang Perlu		Perlu		Sangat Perlu	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mengenalpasti dan merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media	4	3.3	2	1.7	45	37.5	69	57.5
Mengenalpasti kaedah / teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai	1	0.8	5	4.2	28	23.3	86	71.7
Menguasai isi kandungan bidang yang diajar	2	1.7	2	1.7	15	12.5	101	84.2
Mengenalpasti objektif pengajaran	0	0	6	5.0	38	31.7	76	63.3
Menyusun isi pelajaran dengan sistematik	1	0.8	2	1.7	32	26.7	85	70.8

Jadual 2 menunjukkan 58.3 peratus sampel mengatakan item “mengenalpasti objektif pengajaran” dan “mengenalpasti dan merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media” adalah rendah dalam amalan sedia ada. Begitu juga bagi item-item yang lain, lebih daripada separuh sampel mengatakan amalan sedia ada adalah di tahap rendah.

Jadual 2 : Frekuensi Perancangan Pengajaran yang Diamalkan

Item	Sangat Rendah		Rendah		Tinggi		Sangat Tinggi	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mengenalpasti dan merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media	17	14.2	70	58.3	30	25.0	3	2.5
Mengenalpasti kaedah / teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai	14	11.7	64	53.3	39	32.5	3	2.5
Menguasai isi kandungan bidang yang diajar	8	6.7	60	50.0	46	38.3	6	5.0
Mengenalpasti objektif pengajaran	8	6.7	70	58.3	37	30.8	5	4.2
Menyusun isi pelajaran dengan sistematik	15	12.5	64	53.3	35	29.2	6	5.0

4.2 Pelaksanaan Pengajaran yang Diperlukan vs yang Diamalkan

Data daripada Jadual 3 menunjukkan kesemua item dalam pelaksanaan pengajaran yang diperlukan mencapai aras tinggi (perlu dan sangat perlu). Ini menunjukkan pelajar berpendapat pesyarah perlu mempunyai kesemua ciri-ciri tersebut.

Jadual 3 : Frekuensi Pelaksanaan Pengajaran Yang Diperlukan

Item	Tidak Perlu		Kurang Perlu		Perlu		Sangat Perlu	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran	6	5.0	1	0.8	24	20.0	89	74.2
Mempunyai kemahiran menggunakan alat dan bahan pengajaran dan pembelajaran	1	0.8	5	4.2	33	27.5	81	67.5
Mempunyai kemahiran mengintegrasikan pelbagai kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran	1	0.8	6	5.0	43	35.8	70	58.3
Mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan KBKK di kalangan guru pelatih	2	1.7	8	6.7	41	34.2	69	57.5
Mempunyai peneringkatan dalam penyampaian	5	4.2	7	5.8	41	34.2	67	55.8

Jadual 4 menunjukkan frekuensi pelaksanaan pengajaran sedia ada. Dapatan kajian menunjukkan 60% daripada sampel kajian berpendapat kesemua item dalam pelaksanaan pengajaran adalah rendah melainkan bagi item “mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan KBKK di kalangan guru pelatih”. Malahan bagi item “mempunyai kemahiran menggunakan alat dan bahan pengajaran dan pembelajaran’ berada di tahap pelaksanaan yang paling rendah (59.2 peratus). Ini menunjukkan kesemua item-item dalam pelaksanaan pengajaran kurang menjadi amalan oleh pensyarah.

Jadual 4 : Frekuensi Pelaksanaan Pengajaran yang Diamalkan

Item	Sangat Rendah		Rendah		Tinggi		Sangat Tinggi	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran	6	5.0	68	56.7	41	34.2	5	4.2
Mempunyai kemahiran menggunakan alat dan bahan pengajaran dan pembelajaran	9	7.5	71	59.2	37	30.8	3	2.5
Mempunyai kemahiran mengintegrasikan pelbagai kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran	10	8.3	70	58.3	36	30.0	4	3.3
Mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan KBKK di kalangan guru pelatih	10	8.3	60	50.0	45	37.5	5	4.2
Mempunyai penerangan dalam penyampaian	15	12.5	61	50.8	39	32.5	5	4.2

4.3 Penilaian Pengajaran yang Diperlukan vs yang Diamalkan

Jadual 5 menunjukkan frekuensi penilaian pengajaran yang diperlukan untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item penilaian dianggap sangat perlu oleh responden. Item ‘Mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian dan pengujian dalam pengajaran dan pembelajaran’ mempunyai peringkat keperluan yang paling tinggi, yakni 63.3 peratus dipilih oleh responden, diikuti oleh ‘Mengetahui etika peperiksaan’ 60.8 peratus, ‘Mempunyai kemahiran menggubal soalan’ 60 peratus, dan terakhir item ‘Mempunyai kemahiran membina jadual penentu ujian’ dianggap sangat perlu oleh responden adalah 57.5 peratus.

Jadual 5 : Frekuensi Penilaian Pengajaran Yang Diperlukan

Item	Tidak Perlu		Kurang Perlu		Perlu		Sangat Perlu	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran membina jadual penentu ujian	5	4.2	8	6.7	38	31.7	69	57.5
Mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian dan pengujian dalam pengajaran dan pembelajaran	3	2.5	6	5.0	35	29.2	76	63.3

Mempunyai kemahiran menggubal soalan	1	0.8	9	7.5	38	31.7	72	60.0
Mempunyai kemahiran membuat penilaian sendiri	3	2.5	10	8.3	35	29.2	72	60.0
Mengetahui etika peperiksaan	4	3.3	5	4.2	38	31.7	73	60.8

Jadual 6 menunjukkan frekuensi penilaian pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh pensyarah. Sejumlah 53.8 peratus berpendapat item 'mengetahui etika peperiksaan' berada pada tahap yang rendah, 57.5 peratus bagi item 'mempunyai kemahiran membina jadual penentu ujian', 47.8% bagi item 'mempunyai kemahiran menggubal soalan', 52.5% bagi item "mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian dan pengujian dalam pengajaran dan pembelajaran'. Ini menunjukkan amalan pensyarah mengenai penilaian pengajaran dan pembelajaran masih berada di tahap yang rendah.

Jadual 6 : Frekuensi Penilaian Pengajaran Yang Ada

Item	Sangat Rendah		Rendah		Tinggi		Sangat Tinggi	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran membina jadual penentu ujian	13	10.8	56	46.7	44	36.7	7	5.8
Mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian dan pengujian dalam pengajaran dan pembelajaran	14	11.7	49	40.8	53	44.2	4	3.3
Mempunyai kemahiran menggubal soalan	15	12.5	40	33.3	56	46.7	9	7.5
Mempunyai kemahiran membuat penilaian sendiri	10	8.3	34	28.3	35	29.2	41	34.2
Mengetahui etika peperiksaan	9	7.5	58	48.3	40	33.3	13	10.8

4.4 Hubungan Interpersonal yang Diperlukan vs yang Diamalkan

Jadual 7 menunjukkan frekuensi Hubungan Interpersonal yang diperlukan. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item yang ada berada pada tahap sangat perlu.

Jadual 7: Taburan Frekuensi Hubungan Interpersonal Yang Diperlukan

Item	Tidak Perlu		Kurang Perlu		Perlu		Sangat Perlu	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran membimbing guru pelatih tentang keperluan kurikulum latihan	2	1.7	11	9.2	46	38.3	61	50.8
Memberi bimbingan secara berkesan dalam pengurusan kerja kursus guru pelatih	6	5.0	7	5.8	48	40.0	59	49.2

Kepekaan terhadap keadaan persekitaran (termasuk latarbelakang guru pelatih)	3	2.5	7	5.8	53	44.2	57	47.5
Mempunyai kemahiran memandu guru pelatih mempertingkatkan diri ke tahap profesionalisme	1	0.8	7	5.8	41	34.2	71	59.2
Mempunyai kemahiran mendengar secara aktif	2	1.7	5	4.2	39	32.5	74	61.7

Jadual 8 menunjukkan frekuensi Hubungan Interpersonal yang diamalkan oleh pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item yang ada berada pada tahap rendah. Sejumlah besar sampel (72.5 peratus) berpendapat pensyarah 'kemahiran membimbing guru pelatih tentang keperluan kurikulum latihan' adalah rendah, 60.8 peratus bagi item 'kepekaan terhadap keadaan persekitaran', 66.7 peratus bagi item 'kemahiran memandu guru pelatih mempertingkatkan diri ke tahap profesionalisme', 65.0 peratus bagi item 'memberi bimbingan secara berkesan dalam pengurusan kerja kursus guru pelatih', dan 60.8 peratus bagi item 'mempunyai kemahiran mendengar secara aktif'. Ini menunjukkan tahap amalan sedia ada di kalangan pensyarah bagi hubungan interpersonal adalah masih rendah.

Jadual 8 : Frekuensi Hubungan Interpersonal Yang Diamalkan

Item	Sangat Rendah		Rendah		Tinggi		Sangat Tinggi	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Mempunyai kemahiran membimbing guru pelatih tentang keperluan kurikulum latihan	15	12.5	72	60.0	27	22.5	22.5	5.0
Memberi bimbingan secara berkesan dalam pengurusan kerja kursus guru pelatih	10	8.3	68	56.7	34	28.3	8	6.7
Kepekaan terhadap keadaan persekitaran (termasuk latarbelakang guru pelatih)	16	13.3	69	57.5	32	26.7	3	2.5
Mempunyai kemahiran memandu guru pelatih mempertingkatkan diri ke tahap profesionalisme	11	9.2	69	57.5	34	28.3	6	5.0
Mempunyai kemahiran mendengar secara aktif	7	5.8	66	55.0	37	30.8	10	8.3

4.5 Aspek Utama Kualiti Pengajaran

Dapatan kajian pada jadual 9 menunjukkan bahawa 30.0 peratus yang memilih 'perancangan pengajaran' sebagai aspek utama dalam ciri-ciri amalan kualiti pengajaran dengan min 2.35, dan 36.7 peratus yang memilih 'pelaksanaan pengajaran' sebagai aspek utama dalam ciri-ciri amalan kualiti pengajaran sekaligus meletakkan ciri ini di tempat teratas antara kesemua ciri tersenarai iaitu dengan min 2.20. Ini menunjukkan pelajar berpendapat aspek utama dalam kualiti pengajaran ialah aspek perancangan dan pelaksanaan.

Jadual 9 : Taburan Frekuensi Ciri-ciri Kualiti Pengajaran Sebagai Aspek Utama.

Ciri Kualiti pengajaran	Frekuensi	Peratus	Min
	(n)	(%)	
Perancangan Pengajaran	36	30.0	2.35
Pelaksanaan Pengajaran	44	36.7	2.20
Penilaian Pengajaran	16	13.3	2.78
Hubungan Interpersonal	24	20.0	2.67
Jumlah	120	100.0	

5. Perbincangan Dan Implikasi

Pendidikan mempunyai peranan yang sangat strategik dalam mengembangkan sumber manusia yang berkualiti agar sesuatu bangsa mempunyai sumber manusia yang ahli, terampil, kreatif dan inovatif. Untuk mencapai kualiti pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi, Umaedi (1999) menegaskan bahawa dalam hal ini pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara.

5.1 Rumusan Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam perancangan pengajaran, ciri-ciri kualiti pengajaran yang perlu dan yang ada pada pensyarah ialah 'menguasai isi kandungan bidang yang di ajar' adalah yang sangat diperlukan sedangkan mengenai 'kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, dan 'menyusun isi pelajaran dengan sistematik' serta 'mengenalpasti objektif pengajaran' dan yang terakhir 'merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media', secara keseluruhan ciri-ciri kualiti pengajaran dalam perancangan adalah sangat diperlukan sedangkan pada tahap yang ada, hasil kajian menunjukkan bahawa 'menguasai isi kandungan bidang yang diajar' didapati berada pada tahap yang rendah', manakala mengenai 'mengenalpasti objektif pengajaran' dan merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media' adalah juga berada pada tahap yang rendah. Dapatan ini sejajar dengan Azizah Lebai Nordin (1999) yang menyatakan seseorang guru yang menguasai isi kandungan sahaja tetapi tidak dapat menguasai strategi dan kaedah pengajaran tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Pendapat beliau disokong oleh Mohan & Ronald (1995) dimana ciri-ciri guru yang unggul daripada segi personaliti dan pengajaran adalah merupakan aspek yang paling penting dalam menentukan keberkesanan guru dalam pengajaran.

Ciri-ciri kualiti pengajaran pada bahagian 'Perancangan Pengajaran' menunjukkan para pensyarah pada institusi yang mempunyai skor min 2.35 bermakna institusi tersebut dikategorikan sederhana. Ciri-ciri mengenai 'merancang penggunaan teknologi maklumat dan pelbagai media' perlu diberi perhatian oleh Bahagian Perkembangan Staf kerana 57.5 peratus pensyarah memiliki kualiti ini. Anggapan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti tidak ada latihan atau tidak ada peralatan atau tidak mengamalkan penggunaan alatan, bahan serta kaedah tersebut dalam pengajaran. Dalam aspek pelaksanaan pengajaran pula responden beranggapan bahawa ciri-ciri kualiti mengenai 'mempunyai kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran' dan mempunyai kemahiran menggunakan alat bantu adalah yang sangat diperlukan iaitu 74.2 peratus yang memberikan tanggapan, manakala hasil kajian pada tahap yang sedia ada mendapati sangat rendah iaitu 59.2 peratus, ini bermakna para pensyarah pada institusi yang berkenaan kurang mempunyai kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan menggunakan alat bantu. Penggunaan alat bantu dalam pembelajaran didapati bukan sahaja menyumbang kepada satu perubahan dalam struktur kaedah dalam penyampaian pengetahuan tetapi juga membantu pelajar bagaimana untuk belajar dalam erti kata yang sebenar Novak (dalam Noran Fauziah Yaakub, 2002).

Ciri-ciri kualiti pengajaran mengenai 'Pelaksanaan Pengajaran' menunjukkan bahawa pada institusi berkenaan memiliki para pensyarah yang mempunyai skor min 2.20. Maka dalam pelaksanaan pengajaran, salah satu kemahiran yang perlu ada pada seorang guru

adalah kemahiran menyampaikan pengajarannya. Oakland (1995) menambah dengan mengatakan bahawa pelaksanaan apa yang telah di rancang termasuk di dalam dasar pengurusan kualiti menyeluruh yang baik. Hasil kajian mengenai 'mempunyai pengetahuan perkaedahan penilaian dan pengujian dalam pengajaran dan pembelajaran' dianggap sangat perlu oleh sebahagian besar responden. Manakala 'mempunyai kemahiran menggubal soalan' adalah tinggi sedangkan 'mengetahui etika peperiksaan' berada pada tahap yang rendah. Hasil kajian ini menunjukkan para pensyarah pada institusi berkenaan mempunyai kemahiran menggubal soalan yang tinggi manakala yang perlu diambil perhatian adalah etika peperiksaan yang berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, para pensyarah pada institusi yang bersangkutan perlu memberikan latihan yang lebih supaya dapat mencapai pengajaran yang berkesan dan mempunyai kualiti yang tinggi. Dimana pada penilaian pengajaran para pensyarah memiliki skor min 2.78. Diantara aspek-aspek yang lain, penilaian pengajaran adalah terdapat min yang tinggi. Analisis data dapatan kajian pada aspek hubungan interpersonal menunjukkan bahawa 'mempunyai kemahiran mendengar secara aktif' itu yang sangat diperlukan dan yang harus dimiliki oleh para pensyarah, manakala aspek-aspek yang lain juga sangat diperlukan misalnya pensyarah berkemahiran memandu guru pelatih dalam mempertingkatkan diri ke tahap yang lebih profesionalisme dan membimbing guru pelatih tentang keperluan kurikulum latihan. Tetapi apa yang berlaku para pensyarah pada institusi yang berkenaan mempunyai kemahiran mendengar secara aktif sangat rendah dan juga dalam membimbing guru pelatih baik dalam keperluan kurikulum mahupun dalam meningkatkan diri ketahap profesionalisme. Hal ini sesuai apa yang di kemukakan oleh Rahimah Ahmad dan Zulkifli Manaf (1996) yang menggunakan empat kriteria untuk mengukur iklim sekolah berkesan iaitu: perhubungan Interpersonal, pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran, kemudahan fizikal. Darus (1982) berpendapat bahawa hubungan rapat antara guru dan murid memainkan peranan penting dalam memilih strategi pengajaran untuk menarik minat pelajar. Penekanan adalah diberikan kepada interaksi antara guru dengan pelajar. Pada bahagian ini pensyarah memiliki min iaitu 2.67.

Pada bahagian ini akan dibincangkan hasil kajian yang dibuat keatas tiga kelompok pelajar iaitu pelajar-pelajar dari Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Indonesia, Pendidikan Biologi, dan Pendidikan Kimia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Pendidikan Bahasa Indonesia dan Pendidikan Biologi sama-sama memberikan persepsi bahawa pelaksanaan pengajaran yang merupakan ciri-ciri kualiti yang paling baik terhadap pensyarah mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala pelajar-pelajar Sarjana Muda Kimia mempunyai persepsi bahawa yang paling baik terhadap pensyarah mereka adalah dalam aspek perancangan. Sedangkan bagi pelajar-pelajar dari Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Indonesia dan Sarjana Muda Biologi mereka sama-sama mempunyai persepsi ciri-ciri kualiti penilaian pengajaran dan hubungan interpersonal adalah yang kurang baik terhadap pensyarah mereka kerana menunjukkan persembahan yang sangat rendah. Walau bagaimanapun pensyarah yang memiliki tahap ciri-ciri kualiti pengajaran yang rendah perlu diberikan latihan untuk lebih memantapkan lagi keberkesanan pengajaran mereka. Pensyarah merupakan para pendidik kepada bakal guru maka harus sentiasa mempertingkatkan kualiti pengajaran supaya pengetahuan dan kemahiran boleh disalurkan kepada bakal guru. Ini kerana guru yang berkualiti mampu melahirkan pelajar yang berkualiti (Flood, 1993).

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden beranggapan bahawa ciri-ciri kualiti pelaksanaan pengajaran sebagai ciri-ciri kualiti yang paling utama dalam proses pengajaran. Dikuti oleh ciri-ciri kualiti perancangan, hubungan interpersonal, dan yang terakhir penilaian. Pandangan responden tentang pentingnya ciri-ciri kualiti adalah selari dengan beberapa pendapat pengkaji lain seperti Mc Ashan, Clarke dan Cutler Dan Nelson et al. (dalam Najwa 2002). McAshan (1979) yang menegaskan tenaga pengajar yang berkualiti akan menghasilkan pengajaran yang berkualiti dan meningkatkan prestasi pembelajaran. Pendapat ini disokong oleh Wan Zahid (dalam Najwa 2002) menjelaskan pihak yang amat penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pendidikan ialah pelaksanaan di peringkat iaitu guru. Beliau tidak menafikan bahawa kebanyakan guru-guru berkebolehan, berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengajar. Dapat diambil kesimpulan bahawa kejayaan pelaksanaan pembelajaran amat bergantung kepada kecekapan dan keterampilan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru perlu

mempunyai tanggungjawab dalam menentukan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan. Sesungguhnya peranan dan tugas guru amat penting dalam melaksanakan pembelajaran.

5.2 Implikasi Kajian Dan Cadangan

Hasil dapatan kajian ini dapat memberikan implikasi yang besar kepada institusi pengurusan pendidikan di Indonesia khususnya, yakni Dinas Pendidikan dan Kebudayaan amnya dan kepada DIKTI (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi) dan juga boleh digunakan sebagai rujukan pembandingan bagi institusi pengurusan pendidikan serta institusi pengajian tinggi di Malaysia, betapa pentingnya amalan kualiti pengajaran dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan yang lebih maju. Kajian ini telah mendapati bahawa ke empat-empat aspek yang terdiri dari perancangan, pelaksanaan, penilaian, hubungan interpersonal adalah amat penting untuk diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi untuk mencapai kualiti pengajaran yang lebih berkesan. Keempat tahap amalan kualiti tersebut kurang diamalkan dengan baik, dan terdapat kesan bahawa pengajaran yang dijalankan adalah kurang berkesan, sarana dan prasarana tidak cukup dan pensyarah kurang mahir. Hal ini membawa implikasi yang besar kepada institusi yang memayungi pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan sebagai pelaksana pengurusan pendidikan tertinggi. Yang terutama sekali pada aspek perancangan kerana dalam proses pengajaran guru, Pihak pengurusan juga berkewajipan menyediakan persekitaran yang selesa bagi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Pemahaman yang baik daripada pelajar dan pensyarah telah ditunjukkan daripada dapatan kajian ini. Pelajar menganggap pelaksanaan pengajaran sebagai salah satu tahap yang utama dalam amalan kualiti pengajaran. Tetapi seandainya aspek perancangan, penilaian diabaikan maka akan terjadi implikasi yang besar dalam proses pengajaran untuk mencapai pengajaran yang berkesan. Maka dalam pelaksanaan pengajaran, salah satu kemahiran yang perlu ada pada seorang guru adalah kemahiran menyampaikan pengajarannya. Clarke dan Cutler (1990) seterusnya menyokong pendapat itu dengan mengatakan tujuan utama perlu diberikan kepada proses penyampaian walaupun objektif dan isi kandungan dianggap penting oleh guru. Tukman dalam Ornstein (1995) pula berpendapat yang mana pengkaedahan menentukan keberkesanan pelaksanaan pengajaran. Mok Soon Sang (2002), mengatakan peranan guru dalam pelaksanaan dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran meliputi tugas-tugas seperti menganalisis objektif dan isi kandungannya, menentukan keperluan pelaksanaan seperti melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar dan penyediaan bahan-bahan pelajaran, merancang dan melaksanakan pengajaran, membuat penilaian untuk mengenalpasti kelemahan dengan tujuan meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan pengajaran dengan membuat pengubahsuaian dalam rancangan mengajar.

Sistem pendidikan yang baik akan menentukan tahap kemajuan generasi yang akan datang. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai salah satu panduan bagi pihak institusi yang berkenaan, khususnya Dinas Pendidikan Nasional dan DIKTI, mahupun Kementerian Pendidikan didalam menyusun langkah-langkah strategik dalam menghasilkan sistem pendidikan yang sesuai dengan tuntutan semasa. Fakulti pendidikan sebagai institusi yang bertanggung jawab menghasilkan bakal guru boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai pedoman dalam melatih bakal guru tersebut agar mempunyai ciri-ciri amalan kualiti dalam pengajaran. Ini membantu memastikan bahawa sumber daya yang dihasilkan, yakni bakal guru, boleh digunakan dengan sepenuhnya secara baik dan berkesan. Hasil kajian juga boleh digunakan untuk merangka modul pembelajaran kepada pelajar mahupun sebagai modul latihan bagi pensyarah. Ia juga boleh diguna pakai sebagai senarai semakan tahap amalan kualiti pengajaran bagi seorang pensyarah.

Dapatan kajian ini merupakan gambaran tahap keperluan dan tahap sedia ada ciri-ciri kualiti pengajaran daripada pensyarah di institusi yang dikaji. Ianya adalah sangat terhad pada keadaan semasa di institusi tersebut dan juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran, samaada situasi dimana institusi tersebut berada, latar belakang pelajar dan pensyarah mahupun sistem. Latar belakang dan situasi di institusi lain mungkin akan berbeza. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar kajian yang sama juga dilakukan pada institusi-institusi pendidikan tinggi lainnya di Aceh. Walaupun demikian, hasil kajian ini boleh digunapakai

sebagai bahan perbandingan tentang keadaan sistem pendidikan tinggi di Aceh pada keadaan semasa. Pengkaji juga mencadangkan agar memperbanyak lagi latihan-latihan perlu diberikan kepada pensyarah ataupun bengkel-bengkel kerja perlu dijalankan baik dalam negara mahupun di luar negara, misalnya mengirim pensyarah-pensyarah tersebut ke luar untuk menambah lagi pengalaman atau pengetahuan mereka dalam bidang pengajaran atau menjemput pensyarah luar untuk memberikan syarahan atau membuat bengkel-bengkel dan memperbanyak penggunaan media, IT dan sebagainya, agar terlaksananya proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abu Hassan Adam. (1992). *Menghala wawasan 2020 (Edisi-2)*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn.Bhd.
- Angelo, T.A (2002). Teaching goals, assessment, academic freedom and higher learning: essay on teaching learning. Dalam Essays on teaching excellence: Toward the best in the academy. Muat turun pada 20-9-2006: http://www.ucet.ufl.edu/Program_Services/htm.
- Apple, M.W. (1983) Curriculum in the year 2000: Tension and possibilities. *Phi Delta Kappan*, 64, 321 – 326.
- Azril Azahari (2000). Reformasi sistem pendidikan menuju Indonesia baru. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. 29 no 025.
- Arends, R.I. (1994). *Learning to teaching*. New York: Mc Graw-Hill, Inc.
- Azizah Lebai Nordin. (1999). Guru pendidikan islam yang berkesan, *Masalah Pendidikan*, 22, 173-184.
- Clarke, D.C., & Cutler, B.R. (1990). *Teaching and Instruction*. Florida : Harcourt Bra Jovanovich.
- Cohn, M.M., Kotthamp, R.B., & Provenza, E.F. (1987). *To be a teacher: Cases, concept and observation guides*. New York: Random House Inc.
- Drucker, P.M. (1969). *The practice of management*, New York: Harper & Row.
- Edmonds, R.R. (1979). Effective school for the urban poor, *Educational Leadership*. Vol. 37, 15-27.
- Halpin, A.W. (1966). *Theori and Research in Administration*. New York: McMillan. Co.
- Hasan Langgulong, (1995). *Pendidikan islam dan peralihan paradigma*. Shah Alam: Hizbi.
- Jamiah bt MD. Jahim, (2002). Matlamat pengajaran di kalangan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi. *Kertas projek yang tidak diterbitkan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Juran. (1989). *Juran on leadership of qualiti : An executive handbook*. New York : Mac Millan.
- Kallison, J.M. (1986). Effects of lesson organization achievement. *American Edutional Research Journal*. 23,337-343.
- Kamaruddin Kachar. (1989). *Kepimpinan professional dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Ten Publishing Sdn. Bhd.
- Ketetapan MPR-RI Hasil Sidang Umum MPR-RI Tahun (1999). Sekretariat Jenderal MPR-RI. Jakarta.
- King, D. & Menke, J. (1992). Prosiding the instructors note: An effective addition to student notetsking. *Education psychologist*, 20, 33-39.
- Kozma, R. (1991). Learning With media. *Review of educational research*;1.179-211.
- Land, M. L. (1987). Vagueness and Clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. New York:Pergamon.
- Medvedeff. S. (2000). *A plan fore evaluating the curicular and structural efficacy of the florida sinshine standards*. Di muat turun pada 27 ogos 2006. WWW: <http://cyberlean.fau.edu/kizlik/2001curr/medvedeff.htm>.
- Mok Soon Sang, (2002). *Pedagogi untuk kursus perguruan*. Edisi kedua : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mortimore, Peter. (1991). Effective school from a british perspektive: research and practice. In James R. B.,William A.F., and Craig E.R. *Rethinking effective school: research and practice*. Englewood.
- Mohan, M. & Ronald, E. (1995). *Teaching effectiveness, its meaning asseement and improvement*. New York: Universiti College, Fredonia.

- Najwa Mohd Nor. (2000). Kualliti pengajaran dan pembelajaran dari persepsi pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam, *Tesis tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Noran Fauziah Yaakub. (2002). *Faktor personality dalam pemilihan guru*. Dibentang di Seminar kebangsaan pendidikan guru, Universiti Utara Malaysia, Alor Star, Kedah Darul Aman pada 19-20 Mei 2002.
- Nanat Fatah Natsir. (2004). Strategi pembangunan pendidikan di Indonesia. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. Edisi 20 No 024.
- Ornstein, A.C. (1995). Beyond effective teaching. Dalam Ornstein. A. (Ed.). *Theory into Practice*. US: Allyn & Bacon.
- Oakland, J. S. (1995). *Pengurusan kualiti menyeluruh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Ahmad dan Zulkifli Manaf, (1996). Towards developing a profile of effective and effective school, *Jurnal Pendidikan*, 17, 51-63.
- Saunders, J. (1978) Teacher effectiveness: accepting the null hypothesis. *The journal Educationan Thought*, 12(3), 184-189.
- Saedah Siraj, (2000). *Perkembangan kurikulum*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise.
- Svinicki, Marilla, D. (1990). *Improving college teaching : Strategies for developing instructional effectiveness*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Toh W.S. (2003). *Student centered pedagogy : Lest we foerget*, muat turun pada 27 ogos 2006
WWW: [http://219.93.129.238/mpblweb/research/2003 toh.htm](http://219.93.129.238/mpblweb/research/2003%20toh.htm)
- Tyler, R.W. (1949). *Basic principles of curriculum Intruction*. Chicago university of chiggo
- Umaedi. (1999). *Manajemen peningkatan mutu berbasis sekolah*. Jakarta : Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia..
- Wayan Koster, (2000). Pengaruh input sekolah terhadap outcome sekolah: Survai di SLTP Negeri Jakarta. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. No 025 september 2000.
- Yap, Y. K., Wan, C. S., & Ismail A. B. (1985). *Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan*. Petaling Jaya: Longman